

**MINIT MESYUARAT BRIGED 5S KE-52 (3/2015)**  
**FAKULTI SAINS**  
**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

Tarikh : 9 Julai 2015 (Khamis)  
Masa : 2.30 petang  
Tempat: Bilik Mesyuarat Pengurusan Fakulti (102), Fakulti Sains

**Kehadiran:**

Pn. Fairuz Bawaze'er Mughtar	-	Pengerusi
En. Muhammad Raznisyafiq Razak	-	Timbalan Pengerusi
En. Sabri Omar		
Pn. Zaidina Mohd Daud		
Pn. Norhaslinda Noruddin		
En. Khairul Hafiz Mohammad		
En. Mohd. Hisam Abdullah		
En. Zainal Zahari Zakaria		
En. Hidir Hashim		
Pn. Khadzamah Khalid		
Cik Syahira Izzati Ngadiman		
Pn. Aida Shakilla Khairuddin	-	Setiausaha

**Tidak Hadir Dengan Kenyataan**

Pn. Nik Afida Anis Nik Azahari		
Pn. Nurhidayu Jamaludin	-	Cuti Bersalin

**MINIT**  
**52.01**

**ALUAN PENERUSI**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Ummul Kitab.

Puan Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih di atas kehadiran semua ahli ke mesyuarat kali ini yang diadakan di Bilik Mesyuarat Pengurusan Fakulti (102), Fakulti Sains.

**MINIT**  
**52.02**

**PENGESAHAN MINIT MESYUARAT**

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Induk Briged 5S ke-51 yang telah diadakan pada 22 Mei 2015 disahkan tanpa sebarang pindaan.

**Makluman : Semua**

**MINIT**  
**52.03**

**LAPORAN MENGENAI AUDIT PENSIJILAN SEMULA MPC**

Audit Pensijilan Semula oleh MPC telah dijalankan pada 17 Jun 2015 yang lepas. 2 orang auditor telah datang mengaudit Fakulti Sains bagi pensijilan semula MPC ini adalah Pn. Marziah Ahmad dan Pn. Norfaizah Abdul Rahman.

Antara cadangan auditor:

- 1) mencadangkan agar Fakulti Sains dapat menyediakan dokumentasi berkaitan 5S disediakan secara *e-filing* ; dan
- 2) dari segi fizikal pula, aktiviti QE:5S perlu mengikut garis panduan 5S yang disediakan bersama dengan garis panduan QMS dan EMS

Antara teguran yang diberikan oleh auditor:

Zon/Jabatan	Teguran
Pejabat Dekan	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Tempat simpanan kunci terlalu terdedah</li><li>2. Bilik fail sulit tidak berkunci</li><li>3. Labelling dalam bilik fail sulit terlalu terdedah</li><li>4. Cadangan mengenai jumlah orang yang dibenarkan masuk ke bilik fail sulit dikurangkan</li><li>5. SOP perlu satu sahaja jika alat yang sama</li></ol>
Biologi	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Pasir ditempat tanaman pokok kecil (dahulu) disepanjang koridor tingkat 3</li><li>2. Persekitaran bangunan</li></ol>
Fizik	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Labelling (SOP)</li><li>2. Lokasi tampalan <i>signange</i> pada lokasi tidak sesuai</li><li>3. Jadual pembersihan makmal</li></ol>
Kimia	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Kekemasan susun atur radas di makmal</li><li>2. Barang-barang yang sepatutnya dilupus masih ada</li><li>3. Bilik stor bahan kimia tidak mempunyai peredaran udara yang baik dan tidak mempunyai alat bantuan kecemasan</li></ol>
Matematik	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Wayar komputer di makmal komputer Jabatan Matematik tidak kemas</li></ol>
Semua Zon	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Kawasan persekitaran perlu ditingkatkan</li><li>2. Tag pada lampu <i>pendaflour</i> perlu ditanggalkan</li><li>3. Dokumen atau barang di dalam kabinet perlu dikemas</li><li>4. Barangan di atas dan dibawah meja perlu disusun</li><li>5. Kebersihan, debu (makmal)</li></ol>

	6. Lokasi penyimpanan silinder gas sesuai (dilabel dengan jelas)
	7. Penambahbaikan pada label yang telah usang dan tercabut
Stor	1. Barang atas kabinet disusun melebihi garisan keselamatan

**Tindakan: Semua Ketua Zon**  
**Makluman: Semua**

**MINIT**  
**52.04**

**TINDAKAN DARI LAPORAN AUDIT PENSIJILAN SEMULA MPC**

Mesyuarat:

- a) dimaklumkan mengenai laporan audit dari auditor MPC;
- b) bersetuju agar "*cross-checked*" harus dilakukan bagi menambahbaik teguran yang diberikan oleh auditor semasa Audit Pensijilan Semula dijalankan; dan
- c) bersetuju untuk mengadakan "*cross-checked*" dalam tempoh 1 bulan di setiap zon yang mendapat teguran oleh auditor MPC semasa audit pensijilan semula dijalankan

**Tindakan/makluman : Semua**

**MINIT**  
**52.05**

**PENANGGUHAN MESYUARAT**

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.05 petang dengan ucapan terima kasih daripada Puan Pengerusi.